

Tahap Pengetahuan Pelajar Teknikal Terhadap Konsep Hukum Hudud: Satu Kajian Di Politeknik

Musleha Mokter^{1, a)} Wan Norina Wan Hamat^{2, b)} and Rafidah Ahmad^{3, c)}

^{1,2,3}

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar

a)

Corresponding author: musleha@puo.edu.my

Received 1 October 2025, Accepted 28 October 2025, Available Online 17 November 2025

Abstrak. Isu pelaksanaan hukum hudud terus menjadi topik hangat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Perbincangan mengenainya bukan sahaja mencetuskan polemik dalam arena politik dan media, malah turut mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan generasi muda. Meskipun hudud merupakan sebahagian penting daripada sistem perundangan jenayah Islam, tahap kefahaman golongan pelajar khususnya dalam institusi teknikal seperti Politeknik Malaysia masih belum dikaji secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan menilai tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap konsep hukum hudud serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi mereka. Berdasarkan sorotan literatur, pelajar sering terdedah kepada maklumat yang tidak tepat melalui media sosial, kurang pendedahan formal dalam kurikulum pendidikan dan kekeliruan antara hukum hudud dengan bentuk hukuman lain seperti qisas dan ta'zir. Faktor pendidikan dan pengaruh persekitaran, faktor media dan teknologi, faktor pengaruh pendidikan agama serta faktor keterbukaan dan minat turut memberi kesan terhadap kefahaman pelajar. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan edaran soal selidik kepada pelajar semester dua yang telah mengikuti kursus Pengajian Islam dan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di Politeknik Ungku Omar, Ipoh. Soal selidik merangkumi dua komponen utama iaitu pengetahuan asas dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan asas hudud. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar berada pada tahap sederhana, dengan min keseluruhan 3.38. Ini menandakan wujud asas kefahaman, namun masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan. Faktor-faktor seperti pendidikan agama dan pengaruh media pula mencatatkan min 3.11 dan 3.03, menunjukkan peranan yang sederhana tetapi tidak menyeluruh dalam membina pemahaman pelajar. Secara keseluruhannya, pendekatan pengajaran hukum hudud yang berpusatkan pelajar, berorientasikan aplikasi praktikal dan berteraskan teknologi berpotensi meningkatkan minat dan kefahaman pelajar politeknik terhadap konsep dan pelaksanaan hukum hudud secara menyeluruh. Hal ini amat signifikan dalam membentuk pelajar teknikal di politeknik yang bukan sahaja mahir dalam bidang kepakaran mereka tetapi juga memiliki kefahaman yang seimbang antara ilmu teknikal dan pemahaman terhadap sistem perundangan Islam.

Keywords: hudud, pelajar teknikal, faktor pengetahuan

PENDAHULUAN

Hukum hudud merupakan salah satu bentuk hukuman dalam sistem perundangan Islam yang bersifat tetap (qat'i) dan tidak boleh diubah kerana ia ditetapkan secara langsung oleh Allah SWT melalui al-Qur'an dan al-Sunnah. Terdapat enam kesalahan utama dalam hukum hudud iaitu zina, qazaf (menuduh zina tanpa bukti), mencuri, minum arak, murtad dan hirabah (rompakan bersenjata) (al-Qaradawi, 1990). Penggubalan undang-undang jenayah syariah sebenarnya bertujuan memelihara lima perkara asas dalam *maqasid syariah* iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Azizah Mat Rahid et al., 2025; Ibn Ashur, 2006). Walaupun sering timbul persepsi negatif terhadap pelaksanaan hudud, hakikatnya Islam menekankan prinsip keadilan, pencegahan dan pendidikan dalam setiap hukuman yang dilaksanakan. Selain itu, undang-undang ini juga berperanan melindungi nasab dan maruah umat dengan mencegah perbuatan yang boleh membawa kepada zina seperti khalwat, pelacuran serta tingkah laku yang tidak sopan.

Namun, apabila prinsip-prinsip ini tidak difahami secara menyeluruh, pelaksanaan hudud sering disalahertikan. Kekurangan penjelasan yang tepat serta pengaruh wacana politik menyebabkan mesej sebenar undang-undang jenayah syariah yang berteraskan keadilan, pencegahan dan pemeliharaan maruah tenggelam di sebalik polemik dan sentimen semasa. Isu hudud sering kali menjadi topik perbincangan yang kontroversial dalam kalangan masyarakat Islam. Menurut kajian Raqib et al. (2021), isu hudud kerap dijadikan "gula-gula" oleh parti-parti

politik untuk meraih undi rakyat ketika pilihan raya menjelang. Akibatnya, timbul pelbagai salah faham termasuklah tanggapan bahawa hudud merupakan satu bentuk hukuman yang zalim, kejam dan tidak sesuai dengan realiti dunia moden.

Terdapat juga pihak yang bimbang hudud melanggar prinsip hak asasi manusia atau dianggap tidak berlandaskan keadilan. Namun hakikatnya pelaksanaan hudud hanya terpakai kepada umat Islam dan tertakluk kepada sempadan bidang kuasa yang ditetapkan. Dalam konteks masyarakat Malaysia masa kini, terdapat pelbagai cabaran yang menghalang kefahaman yang tepat terhadap konsep hukum hudud terutamanya dalam kalangan generasi muda. Salah faham terhadap hukum ini sering kali berpunca daripada maklumat yang tidak sahih, persepsi media yang berat sebelah serta kurangnya pendedahan terhadap prinsip-prinsip syariah secara menyeluruh (Mohd Aizam Mas'od, 2015).

Pelajar institusi pendidikan teknikal merupakan sebahagian daripada kelompok remaja dan belia yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Justeru, kefahaman mereka terhadap hukum hudud perlu diberi perhatian agar mereka bukan sahaja mahir dalam bidang teknikal, tetapi juga memiliki jati diri Muslim yang berilmu, berakhlak dan berpandangan seimbang terhadap syariah Islam. Pemahaman yang menyeluruh terhadap hukum hudud juga amat penting dalam kalangan pelajar bagi mengelakkan salah faham serta pandangan yang dipengaruhi oleh emosi semata-mata khususnya dalam konteks pelaksanaannya. Kajian oleh Azarudin Awang (2020) mendapati bahawa kebanyakan kakitangan hospital di Terengganu berpandangan agar pendidikan tentang undang-undang Islam wajar diberi fokus supaya masyarakat lebih memahami dengan lebih mendalam. Dapatan ini menunjukkan perlunya penekanan dalam pendidikan undang-undang Islam agar masyarakat lebih memahami prinsip dan pelaksanaan hukuman hudud.

Pada asasnya pelajar telah didedahkan kepada hukum jenayah Islam di peringkat sekolah menengah melalui subjek Pendidikan Islam (Nursafra Mohd Zhaffar, 2021) atau Pendidikan Syariah Islam Tingkatan 5 serta di peringkat diploma politeknik melalui Kursus Pengajian Islam dan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Subjek-subjek agama ini merupakan antara elemen penting yang menyumbang kepada pengukuhan pemahaman dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar. Pendidikan agama secara formal ini telah menjadi salah satu faktor utama yang mempengaruhi tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap hukum hudud.

Dalam era digital masa kini, media sosial menjadi antara saluran utama bagi pelajar memperoleh maklumat berkaitan agama, termasuk mengenai hukuman hudud. Kebergantungan yang tinggi terhadap platform ini dalam memahami ajaran Islam menimbulkan kebimbangan berhubung ketepatan dan kesahihan sumber maklumat yang diperolehi. Walau bagaimanapun, media sosial turut mempunyai potensi besar sebagai medium dakwah dan pendidikan Islam yang berkesan, sekiranya dimanfaatkan secara bijaksana termasuk dalam meningkatkan kefahaman terhadap hukum jenayah Islam. Hal ini selari dengan dapatan kajian Ahmad Arif dan Nur Zainatul Nadra (2024) yang mendapati bahawa media sosial merupakan medium yang sangat efektif dalam mendekatkan masyarakat kepada ajaran Islam.

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap hukuman hudud serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan asas hudud.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif untuk menilai tahap pengetahuan pelajar teknikal terhadap konsep hukum hudud. Set soalan borang soal selidik mengandungi 3 bahagian utama yang melibatkan soalan berbentuk 4 skala likert.

Bahagian A : Demografi responden kajian.

Bahagian B : Tahap pengetahuan pelajar terhadap konsep hudud.

Bahagian C : Faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan asas hudud.

Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 234 orang responden dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar Semester 2, Sesi 2 2024/2025, yang mengikuti Kursus Pengajian Islam dan Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam. Penentuan jumlah sampel adalah berdasarkan Jadual Penentuan Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Mengikut jadual tersebut, bagi populasi seramai 600 orang, jumlah sampel yang dicadangkan ialah 234 orang. Dalam semester ini, jumlah keseluruhan pelajar yang mengambil kedua-dua kursus tersebut adalah seramai 610 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah set borang soal selidik yang mengandungi 48 item berkaitan pengetahuan pelajar terhadap konsep hudud serta faktor-faktor yang mempengaruhi pengetahuan asas hudud.

Ujian kebolehpercayaan dan kesahan instrumen telah dijalankan dan hasil analisis menunjukkan nilai purata Alpha Cronbach adalah 0.972. Nilai ini melebihi 0.7 seperti yang disarankan oleh Chua (2020), menunjukkan tahap kebolehpercayaan instrumen adalah sangat tinggi. Oleh itu, item-item soalan yang digunakan dalam borang soal selidik ini adalah boleh diterima dan sesuai digunakan dalam kajian ini.

Penganalisan Data

Data daripada soal selidik ini dianalisa menggunakan statistik deskriptif yang terdiri daripada frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai menggunakan perisian *Statistical Packages For Sosial Science (SPSS) 30*. Bagi tujuan interpretasi data deskriptif pula dapatan analisis berpandukan skor min Riduwan (2012) seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

JADUAL 1-Pengkelasan Skor Min

Skor Min	Intepretasi Min
1.00-1.50	Kurang kaitan
1.51-2.50	Rendah
2.51-3.50	Sederhana
3.51-4.00	Tinggi

DAPATAN KAJIAN

Demografi

JADUAL 2-Jantina dan Jabatan Respondan

Maklumat responden	Item	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	139	59.4%
	Perempuan	95	40.6%
Jabatan	Jabatan Kejuruteraan Awam	41	17.5%
	Jabatan Kejuruteraan Elektrik	21	9%

Jabatan Kejuruteraan Perkapalan	25	10.7%
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasai	84	35.9%
Jabatan Perdagangan	63	26.9%

Jadual 2 di atas menunjukkan analisis jantina dan jabatan responden. Seramai 234 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 139 orang pelajar lelaki (59.4%) dan 95 orang pelajar perempuan (40.6%). Ini menunjukkan bahawa jumlah pelajar lelaki melebihi bilangan pelajar perempuan. Seramai 41 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam (17.5%) , 21 orang pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik (9%), 25 orang pelajar Kejuruteraan Perkapalan (10.7%), 84 orang pelajar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (35.9%) dan 63 orang pelajar Jabatan Perdagangan. Tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap konsep hudud.

JADUAL 3-Analisis Skor Mengenalpasti Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Pelajar Terhadap Konsep Hudud

Perkara	Min	S.P	Interpretasi
1. Saya faham maksud sebenar hudud dalam konteks undang- undang Islam.	3.13	0.65	Sederhana
2. Saya tahu jenis-jenis jenayah dalam kategori Hudud seperti zina, mencuri, murtad, qazaf, minum arak, merompak dan memberontak (bughah).	3.39	0.62	Sederhana
3. Saya memahami perbezaan antara hudud dan jenis hukuman Islam lain seperti qisas dan takzir.	3.05	0.72	Sederhana
4. Saya mengetahui tujuan utama pelaksanaan hukuman hudud dalam undang-undang Islam.	3.25	0.68	Sederhana
5. Saya memahami perbezaan antara hukuman hudud dan undang- undang jenayah moden.	3.23	0.68	Sederhana
6. Saya mengetahui negara yang melaksanakan hukuman hudud dalam sistem perundangan mereka.	3.03	0.75	Sederhana
7. Saya faham bahawa pelaksanaan hudud memerlukan bukti yang jelas dan saksi yang sah.	3.39	0.59	Sederhana
8. Saya menyedari implikasi sosial dan moral yang diutamakan dalam pelaksanaan hudud.	3.22	0.60	Sederhana
9. Saya tahu bagaimana hudud didefinisikan dan diterapkan dalam teks Islam seperti Al-Quran dan Hadis.	3.19	0.65	Sederhana
10. Saya sedar bahawa pensabitan hukum hudud perlu kepada syarat- syarat tertentu yang perlu dipenuhi.	3.31	0.61	Sederhana
11. Saya memahami bahawa hudud bertujuan untuk mendidik dan mencegah jenayah, bukan semata-mata menghukum.	3.51	0.56	Tinggi
12. Saya boleh menjelaskan kepada orang lain tentang asas dan syarat- syarat jenayah hudud.	3.53	0.56	Tinggi
13. Saya faham maksud sebenar hudud dalam konteks undang- undang Islam.	2.78	0.76	Sederhana
14. Saya percaya bahawa pengetahuan saya mengenai jenayah Hudud cukup untuk membincangkan topik ini dengan orang lain	2.75	0.78	Sederhana
Purata Skor Min	3.38	0.53	Sederhana

Berdasarkan Jadual 3, tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap konsep hudud berada pada tahap sederhana dengan purata min keseluruhan 3.38 (S.P = 0.53). Item dengan skor min tertinggi ialah “*Saya memahami bahawa hudud bertujuan untuk mendidik dan mencegah jenayah, bukan semata-mata menghukum*”

(min = 3.53, S.P = 0.56), ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kefahaman yang baik tentang objektif utama pelaksanaan hudud.

Sebaliknya, item dengan skor min terendah ialah “*Saya percaya bahawa pengetahuan saya mengenai jenayah hudud cukup untuk membincangkan topik ini dengan orang lain*” (min = 2.74, S.P = 0.78), menggambarkan bahawa keyakinan pelajar untuk membincangkan topik ini masih rendah. Secara keseluruhannya, walaupun pelajar mempunyai pengetahuan asas yang baik tentang maksud, jenis jenayah dan prinsip pelaksanaan hudud, tahap keyakinan untuk menjelaskan atau membincangkannya secara mendalam masih pada tahap sederhana.

Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pengetahuan Asas Hudud

Faktor Pendidikan dan Pengaruh Persekitaran

JADUAL 4-Analisis Skor Mengenalpasti Faktor dari Aspek Pendidikan dan Pengaruh Persekitaran

Perkara	Min	S.P	Interpretasi
Saya mendapat pengetahuan asas tentang hukum hudud melalui subjek yang diajar di sekolah/kolej	3.24	0.64	Sederhana
Pengajaran agama di sekolah telah membantu saya memahami asas hukum hudud	3.30	0.65	Sederhana
Saya belajar tentang hukum hudud melalui sumber seperti buku, artikel atau kajian ilmiah.	3.06	0.75	Sederhana
Keluarga saya memainkan peranan penting dalam memperkenalkan saya kepada hukum hudud.	2.98	0.75	Sederhana
Rakan-rakan saya mempengaruhi pemahaman saya terhadap hukum hudud.	2.94	0.76	Sederhana
Purata Skor Min	3.10	0.56	Sederhana

*S.P : Sisihan piawai

Berdasarkan Jadual 4, faktor pendidikan dan pengaruh persekitaran berada pada tahap sederhana dengan purata min keseluruhan 3.10 (S.P = 0.56). Item dengan min tertinggi ialah “*Pengajaran agama di sekolah telah membantu saya memahami asas hukum hudud*” (min = 3.30, S.P = 0.65), dapatan ini menunjukkan bahawa pendidikan agama formal menjadi sumber utama pelajar dalam memperoleh pengetahuan berkaitan hudud.

Sebaliknya, item “*Rakan-rakan saya mempengaruhi pemahaman saya terhadap hukum hudud*” mencatatkan min terendah (min = 2.94, S.P = 0.76), menggambarkan bahawa pengaruh rakan sebaya terhadap kefahaman pelajar mengenai hudud adalah rendah. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pendidikan formal di sekolah atau kolej memainkan peranan penting dalam pembentukan pengetahuan asas tentang hukum hudud manakala pengaruh persekitaran sosial seperti rakan-rakan dan keluarga berada pada tahap yang lebih rendah.

Faktor Media dan Teknologi

JADUAL 5-Analisis Skor Mengenalpasti Faktor dari Aspek Media dan Teknologi

Perkara	Min	S.P	Interpretasi
1. Media sosial banyak membantu dan memberi maklumat berkaitan hukum hudud, seterusnya memudahkan saya memahaminya.	3.26	0.71	Sederhana
2. Saya sering membaca tentang hukum hudud melalui laman web atau platform dalam talian.	2.93	0.65	Sederhana
3. Program televisyen atau dokumentari tentang agama membantu saya memahami asas hukum hudud	3.10	0.75	Sederhana
4. Saya mengikuti perbincangan dalam talian atau forum mengenai hukum hudud untuk menambah pengetahuan saya.	2.97	0.75	Sederhana
5. Tik Tok/Twitter/ FB/ Instagram banyak membantu saya dalam membincangkan tentang hukum hudud.	3.08	0.76	Sederhana
Purata Skor Min	3.10	0.56	Sederhana

*S.P : Sisihan piawai

Berdasarkan Jadual 5, analisis skor menunjukkan bahawa faktor media dan teknologi berada pada tahap sederhana dengan purata min keseluruhan 3.03 (sisihan piawai = 0.64). Item yang mencatatkan min tertinggi ialah "*Media sosial banyak membantu dan memberi maklumat berkaitan hukum hudud, seterusnya memudahkan saya memahaminya*" (min = 3.26, S.P = 0.71), menunjukkan bahawa media sosial menjadi sumber rujukan utama pelajar dalam memahami hukum hudud.

Sebaliknya, item "*Saya mengikuti perbincangan dalam talian atau forum mengenai hukum hudud untuk menambah pengetahuan saya*" memperoleh min terendah (min = 2.79, S.P = 0.86), yang menunjukkan tahap penyertaan pelajar dalam perbincangan ilmiah secara maya masih rendah.

Secara keseluruhan, dapatan ini menggambarkan bahawa walaupun media sosial dan platform teknologi digunakan secara sederhana sebagai sumber maklumat mengenai hukum hudud, penggunaannya berpotensi diperkasakan sebagai medium pendidikan Islam yang lebih efektif.

Faktor Pengaruh Pendidikan Agama

JADUAL 6-Analisis Skor Mengenalpasti Faktor dari Aspek Pengaruh Pendidikan Agama

Perkara	Min	S.P	Interpretasi
Saya mendapat pengetahuan tentang hukum hudud melalui ceramah agama atau khutbah.	3.13	0.75	Sederhana
Kehadiran ke kelas atau kursus agama telah membantu saya memahami asas hukum hudud.	3.20	0.68	Sederhana
Sokongan dari komuniti atau masjid setempat meningkatkan pemahaman saya tentang hukum hudud.	3.04	0.77	Sederhana
Persekitaran sosial saya memotivasikan saya untuk belajar lebih lanjut mengenai hukum hudud.	3.06	0.75	Sederhana
Purata Skor Min	3.11	0.65	Sederhana

*S.P : Sisihan piawai

Berdasarkan Jadual 6, faktor pengaruh pendidikan agama berada pada tahap sederhana dengan purata min keseluruhan 3.11 (S.P = 0.65). Item dengan skor min tertinggi ialah "*Kehadiran ke kelas atau kursus agama telah membantu saya memahami asas hukum hudud*" (min = 3.20, S.P = 0.68), menunjukkan bahawa pembelajaran formal melalui kelas atau kursus agama memberi impak positif kepada kefahaman pelajar. Sementara itu, item dengan skor min terendah ialah "*Sokongan dari komuniti atau masjid setempat meningkatkan pemahaman saya*

tentang hukum hudud” (min = 3.04, S.P = 0.77), yang menunjukkan pengaruh komuniti atau institusi agama setempat terhadap kefahaman pelajar masih sederhana.

Secara keseluruhannya, walaupun pendidikan agama melalui ceramah, khutbah dan kelas formal membantu meningkatkan pengetahuan tentang hudud, tahap pengaruhnya masih belum mencapai tahap tinggi dan memerlukan pengukuhan, khususnya melalui peranan komuniti dan persekitaran sosial.

Faktor Keterbukaan dan Minat

JADUAL 7-Analisis Skor Mengenalpasti Faktor dari Aspek Keterbukaan dan Minat

Perkara	Min	S.P	Interpretasi
Minat saya terhadap undang-undang Islam mendorong saya untuk mengetahui lebih lanjut tentang hukum hudud	3.14	0.69	
Saya percaya adalah penting untuk mengetahui hukum hudud bagi seorang Muslim.	3.41	0.57	Sederhana
Saya yakin dengan kemampuan saya untuk memahami asas hukum hudud.	3.25	0.61	Sederhana
Saya terbuka untuk mempelajari perkara baru mengenai hukum hudud walaupun ia mungkin agak sukar.	3.29	0.58	Sederhana
Saya percaya bahawa pengetahuan saya tentang hukum hudud adalah mencukupi.	2.8	0.86	Sederhana
Purata Skor Min3.18	3.18	0.52	Sederhana

*S.P : Sisihan piawai

Berdasarkan Jadual 7, faktor keterbukaan dan minat berada pada tahap sederhana dengan purata min keseluruhan 3.18 (S.P = 0.52). Item dengan skor min tertinggi ialah “*Saya percaya adalah penting untuk mengetahui hukum hudud bagi seorang Muslim*” (min = 3.41, S.P = 0.57), menunjukkan kesedaran tinggi dalam kalangan pelajar tentang kepentingan memahami hudud.

Sebaliknya, item dengan skor min terendah ialah “*Saya percaya bahawa pengetahuan saya tentang hukum hudud adalah mencukupi*” (min = 2.80, S.P = 0.86), yang menggambarkan bahawa pelajar masih merasakan pengetahuan mereka belum memadai. Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan minat dan keterbukaan untuk mempelajari hukum hudud, namun masih memerlukan pengukuhan ilmu bagi meningkatkan tahap keyakinan dan kefahaman mereka.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap konsep hudud berada pada tahap sederhana. Penemuan ini seiring dengan kajian lepas yang dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kangar, Perlis, di mana tahap pengetahuan pelajar terhadap kesalahan-kesalahan hudud juga berada pada tahap sederhana (Aminuddin & Noor Diyana, 2010). Keadaan ini menggambarkan bahawa masih terdapat ruang untuk pelajar meningkatkan pemahaman mereka secara lebih mendalam, khususnya berkaitan asas hukum hudud.

Pandangan ini selaras dengan hujah Mahmood Zuhdi Abd Majid (2015) yang menegaskan bahawa hukuman hudud dalam Islam bukan sekadar bertujuan menghukum, tetapi juga untuk mendisiplinkan pesalah dan mendidik masyarakat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar teknikal di Politeknik menyedari fungsi hudud sebagai mekanisme pencegahan dan pendidikan, sejajar dengan pandangan tokoh fiqh tersebut.

Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap keyakinan pelajar untuk membincangkan isu hudud secara terbuka berada pada tahap sederhana. Keadaan ini selari dengan dapatan Mohd Fikri Yazan (2021) yang menyatakan bahawa kurangnya penglibatan ibu bapa boleh menjejaskan keyakinan diri remaja. Faktor luaran lain seperti pengaruh rakan sebaya, guru dan media sosial turut mempengaruhi keberanian pelajar untuk berbicara tentang isu-isu sensitif

seperti hudud. Namun, pengaruh-pengaruh ini masih belum cukup kuat untuk membina keyakinan diri yang tinggi. Hal ini turut dipengaruhi oleh latar belakang akademik pelajar Politeknik yang lebih tertumpu kepada subjek teknikal seperti kejuruteraan dan teknologi maklumat. Kekurangan latihan komunikasi dalam konteks agama dan sosial menjadikan isu- isu agama seperti hudud kurang dibincangkan secara formal di bilik kuliah. Akibatnya, pelajar kurang terdedah kepada platform yang membolehkan mereka mengasah kemahiran berhujah dan melontarkan pandangan secara kritis.

Wujud pelbagai faktor yang mempengaruhi pengetahuan asas hudud di kalangan pelajar. Hasil kajian mendapati pelajar yang pernah mengikuti kuliah, ceramah atau kelas agama mempunyai tahap pengetahuan hudud yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak terdedah kepada pembelajaran tersebut. Pendidikan formal khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menjadi asas penting dalam membentuk kefahaman awal pelajar tentang hukum hudud (Zuraimi & Nurakmal Liyana, 2022). Di Politeknik, semua pelajar Islam diwajibkan mengambil kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam atau Pengajian Islam. Kursus ini dilihat memainkan peranan penting dalam memperkukuh pengetahuan agama, termasuk aspek hudud. Kajian oleh Mohamad Bazli et al. (2021) turut melaporkan bahawa hampir 100% responden bersetuju bahawa mereka memperoleh pengetahuan agama daripada pembelajaran kursus agama di Politeknik.

Selain itu, pelajar yang aktif mengikuti kandungan berkaitan undang-undang Islam di media sosial seperti *Facebook*, *YouTube*, dan *TikTok* didapati lebih peka terhadap isu-isu hudud. Walau bagaimanapun, tahap kefahaman mereka berbeza-beza kerana wujud maklumat yang bercampur aduk atau tidak sah dan kadangkala dipengaruhi oleh pandangan politik. Seperti yang dinyatakan oleh Aiman Iqmal et al. (2024), media sosial boleh menjadi medium yang sangat efektif untuk menambah ilmu agama jika digunakan dengan betul. Bagi pelajar teknikal yang cenderung kepada pembelajaran visual dan berbentuk aplikasi, platform seperti *TikTok* dan *YouTube* yang menawarkan kandungan video pendek, infografik, animasi dan penjelasan interaktif dilihat lebih serasi dengan gaya pembelajaran mereka. Kaedah ini memudahkan pemahaman konsep yang kompleks seperti hudud, di samping melengkapkan pembelajaran formal.

Seterusnya, pelajar menunjukkan kesedaran tentang kepentingan mengetahui hukum hudud sebagai seorang Muslim. Kefahaman ini bukan sahaja mengukuhkan keimanan tetapi juga memberikan pengetahuan yang jelas tentang prosedur dan hikmah pelaksanaannya. Sebagai contoh, Ahmad dan Amin (2022) menjelaskan bahawa hukuman bagi kes murtad bertujuan melindungi agama sebagai asas kehidupan umat Islam. Kesedaran ini penting memandangkan pelajar teknikal bakal menjadi sebahagian daripada tenaga kerja yang membangunkan teknologi dan inovasi masa hadapan. Pemahaman yang baik tentang hukum Islam termasuk hudud akan memastikan pembangunan tersebut selari dengan prinsip Syariah.

Walaupun pelajar menunjukkan minat dan keterbukaan untuk mempelajari hudud, majoriti mengakui bahawa pengetahuan mereka masih belum mencukupi. Hal ini menunjukkan perlunya kaedah pengajaran yang lebih sesuai dengan latar belakang pelajar teknikal. Menurut Ahmad Fkrudin et al., (2019) pelajar aliran teknikal lebih responsif terhadap pembelajaran berbentuk praktikal seperti simulasi dan visualisasi digital. Justeru, pendekatan seperti pembangunan aplikasi interaktif berkaitan undang-undang Islam, simulasi kes hudud dalam konteks moden atau integrasi teknologi Augmented Reality (AR) dan gamifikasi boleh membantu menarik minat pelajar serta memudahkan pemahaman mereka. Selain itu, pelajar juga boleh diterapkan dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBM) melalui model ik- PBM, ia boleh diaplikasikan melalui kajian kes sebenar, perbincangan berkumpulan dan penyelesaian masalah berasaskan dalil yang menggalakkan pelajar mencari bukti daripada al-Quran, Hadis dan fatwa (Ahmad Fkrudin et al., (2024).

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tahap pengetahuan pelajar terhadap hudud berada pada tahap sederhana dengan pengaruh signifikan daripada pendidikan formal, media sosial dan kesedaran peribadi. Walaupun terdapat minat untuk mempelajari hudud, cabaran utama ialah kurangnya keyakinan dan pendedahan kepada platform perbincangan agama yang aktif. Oleh itu, usaha memperkukuh kefahaman hudud perlu menekankan pendekatan interaktif yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar teknikal, menggabungkan pendidikan formal, media dakwah digital dan latihan kemahiran insaniah. Dengan itu, pelajar bukan sahaja dapat memahami hudud secara mendalam tetapi juga mampu membincangkannya secara yakin berlandaskan dalil yang sah dan perspektif yang matang.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar Politeknik terhadap hukum hudud berada pada tahap sederhana. Faktor yang mempengaruhi tahap ini meliputi pendidikan formal, pengaruh persekitaran, media sosial, pendidikan agama serta minat dan keterbukaan pelajar. Pendidikan di peringkat sekolah, khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, membentuk asas kefahaman awal pelajar mengenai hudud (Zuraimi dan Nurakmal Liyana, 2022). Di peringkat politeknik, kursus Pengajian Islam dan Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam dilihat memperkukuh lagi pengetahuan tersebut (Mohamad Bazli et al., 2021). Namun, keberkesanan pengajaran topik hudud bergantung kepada pendekatan pedagogi yang digunakan. Pengajaran yang kreatif, disokong dengan bahan bantu visual dan strategi pembelajaran interaktif, berpotensi meningkatkan penglibatan serta kefahaman pelajar. Dalam konteks ini, media sosial dapat dijadikan sumber sokongan bagi memperkukuh pemahaman, selaras dengan dapatan Aiman Iqmal et al. (2024) yang menyatakan bahawa platform digital mampu menjadi medium dakwah yang efektif jika digunakan secara berhemah. Walau bagaimanapun, penggunaannya perlu dipantau dan dibimbing oleh pensyarah bagi mengelakkan kekeliruan atau penyebaran maklumat yang tidak sah (Mohd. Khafidz, 2021).

Kemahiran ICT dalam kalangan pensyarah Pendidikan Islam turut memainkan peranan penting. Kajian oleh Ahmad Firdaus dan Khairunnisa (2021) mendapati bahawa penguasaan teknologi oleh pensyarah bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengajaran, malah memperkukuh hubungan interpersonal dengan pelajar melalui inovasi pendidikan. Selain itu, pembelajaran di luar bilik kuliah seperti lawatan ke Mahkamah Syariah atau Jabatan Kehakiman Syariah dapat memberi pendedahan praktikal yang menghubungkan teori dengan pelaksanaan sebenar dalam konteks perundangan negara, seterusnya memperkukuh kefahaman pelajar. Pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar, berorientasikan aplikasi praktikal dan berteraskan teknologi dilihat mampu meningkatkan minat serta kefahaman pelajar terhadap hukum hudud secara menyeluruh. Hal ini selari dengan pandangan Ahmad dan Amin (2022) yang menegaskan bahawa pemahaman terhadap undang-undang Islam memberi impak langsung kepada pembentukan sahsiah dan pemikiran masyarakat.

Akhirnya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa pelajar teknikal di Politeknik perlu dibangunkan sebagai individu yang mahir dalam bidang kepakaran teknikal serta memiliki kefahaman yang mantap terhadap sistem perundangan Islam. Keseimbangan antara ilmu teknikal dan ilmu agama ini amat penting untuk memastikan pembangunan teknologi dan inovasi pada masa hadapan tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan ditujukan kepada responden kaji selidik, pihak pengurusan PUO, C-RIE, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang membenarkan kajian ini dijalankan.

RUJUKAN

- Ahmad Arif Shahrizan & Nur Zainatul Nadra Zainol. (2024). Analisis penggunaan platform sosial media bagi penyebaran ilmu Islam: Kajian kes. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(2), 38– Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor & Khairunnisa A. Shukor. (2021). Implikasi penguasaan kemahiran ICT pensyarah Pendidikan Islam terhadap hubungan interpersonal dengan pelajar politeknik di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 1– 15.
- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Natrah Yaacob & Musleha Mokter. (2019). Penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di politeknik. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 3(1), 40.
- Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Wan Norina Wan Hamat & Norhaslina Sulaiman. (2024). Penilaian kesan pelaksanaan model ik-PBM bagi kursus Pengajian Islam terhadap pemikiran kritis pelajar: Kajian di sebuah

- politeknik premier *International Journal of Modern Education*, 6(21), 203–216.
<https://doi.org/10.35631/IJMOE.621015>
- Ahmad Muhammad Husni & Amin Muhammad Husni. (2022). Pencegahan hudud (hukuman tetap) ke atas keraguan dan pertikaian mengenai apa yang diragui dan apa tidak. *Journal of Education and Social Sciences*, 21(1).
- Aiman Iqmal Abu Bakar, Mohammad Farhan Haris, Muhammad Hilman Harif & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2024). Media sosial dan agama Islam: Penggunaan dan keberkesanan. *E-Proceeding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5*.
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Noor Diyana Kamaruddin. (2010). Pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kangan Perlis. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*, 1–6. <https://eprints.utm.my/10291/>
- Asyur, M. al-T. (2004). *Maqāshid al-syarī'ah al-islāmiyyah* (Vol. 3). Wizār al-Auqaf. Azarudin Awang. (2020). Perspektif kakitangan hospital terhadap hukuman hudud. *Journal of Fatwa Management and Research*, 20(1), 24–39.
- GgggAzizah Mat Rashid, Nora'inan Bahari, Zanariah Dimon, & Tuan Zainor Rashid Hassin. (2025). Perkembangan perundangan jenayah syariah di Selangor: Sorotan bidang kuasa, kekangan dan peranan agensi pentadbiran. *Journal of Muwafaqat*, 8(1), 30–45.
- Chua, Y. P. (2020). *Mastering research statistics* (2nd ed.). McGraw-Hill Education
- Krejcie, R.V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610
- Mohd Aizam Mas'od. (2015). Diskusi isu aqidah dan pemikiran semasa di Malaysia. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, 505–517.
- Mohamad Bazli Md Radzi, Norita Abd Aziz & Wan Faisal Wan Ahmad Mohtasa. (2021). Medium sumber rujukan agama Islam pelajar politeknik. *International Conference and Mukhtar on Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)*, 246– 249.
- Mohammad Nidzam Abdul Kadir. (2018). Hukuman terhadap tindakan murtad dalam perspektif masyarakat majmuk dan keamanan negara. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 10(2), 191– 203.
- Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2018). Kelangsungan syariat Islam menerusi perundangan Malaysia. *Al-Hikmah*, 10(1), 95– 118.
- Mohd Fikri Yazan. (2021). Pengaruh gaya keibubapaan, rakan sebaya, guru dan pegangan agama terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan remaja [Tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia].
- Muhammad Raqib Mohd Sofian, Muhamad Zaki Mustafa, & Safiyyah Ahmad Sabri. (2024). Islam dan media di Malaysia: Pemaparan isu hudud di portal online di Malaysia. *E- Proceeding of the 4th International Conference on Islam, Media and Communication (ICIMaC 2024)*, 75–78.
- Nursafra Mohd Zhaffar & Wan Ali Akbar Wan Abdullah. (2021). Analisis kurikulum halal dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1, 39.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. (2015). Hudud bukan sekadar hukuman. <https://www.yadim.com.my/v2/hududbukan-sekadar-hukuman/>
- Riduwan. (2012). *Skala pengukuran variabel-variabel penelitian* (Edisi ke-9). Alfabeta
- Siti Zubaidah Ismail. (2014). Hudud dan undang-undang jenayah syariah dalam kerangka perlembagaan dan sistem perundangan dualisme: Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 22(2), 193–212.
- Yusuf al-Qaradawi. (1990). *Taysir al-fiqh fi daw'i al-Qur'an wa al-Sunnah*. Mu'assasah al- Risalah.
- Zuraimy Ali & Nurakmal Liyana Yahaya. (2022). Peranan Pendidikan Islam dalam pembangunan modal insan berdasarkan pendekatan hikmah di dalam Surah Luqman menurut Tafsir al-Thobari. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(Special Issue), 180–194.